

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHALID ABD SAMAD (SHAH ALAM)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebarang hasrat dari pihak Kerajaan untuk mengharamkan pertubuhan seperti Dong Zong dan sebagainya sebagaimana yang diminta dari Kerajaan terdahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Kedua-dua institusi ini yang menjadi teras kepada sistem Kerajaan di Negara ini. Keutuhan sistem tersebut sentiasa dipelihara dan akan dipertahankan sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan tidak akan bertoleransi dengan individu mahupun pertubuhan yang berfahaman ekstremis, melampau serta bercanggah dengan sistem pemerintahan Negara ini, perlembagaan dan norma-norma masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui agensi penguatkuasaannya seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan terus menjalankan pemantauan yang rapi terhadap

sebarang aktiviti yang dikesan terlibat dengan ideologi-ideologi sebegini dan akan mengambil tindakan yang sewajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia atau dalam Bahasa Inggeris, *United Chinese School Committees' Association Of Malaysia* yang juga dikenali sebagai Dong Zong merupakan sebuah pertubuhan yang telah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) pada 10 Disember 1955.

Setakat ini Kerajaan mendapati pengurusan pertubuhan tersebut adalah selaras dengan perlembagaan pertubuhan dan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Pada masa yang sama juga KDN melalui agensinya JPPM sentiasa memantau aktiviti-aktiviti semua pertubuhan berdaftar melalui penghantaran penyata tahunan kepada pejabat JPPM. Pemantauan yang berterusan sentiasa dilaksanakan terhadap semua pertubuhan berdaftar dan sekiranya didapati pertubuhan telah melanggar mana-mana peruntukan perlembagaan pertubuhan dan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] maka tindakan penguatkuasaan Akta boleh dilaksanakan dan boleh mengakibatkan pendaftaran pertubuhan dibatalkan.